

**Dr M menjadi sasaran Pakatan, Anwar umum 4 calon Parlimen  
Malaysian Insider  
April 3, 2013  
Oleh Mohd Farhan Darwis**

JOHOR BARU, 3 April — Pakatan Rakyat (PR) mula menyerang keluarga bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dalam ceramah Jelajah Merdeka Rakyat mereka di Johor apabila mengaitkan kekayaan anak ahli politik veteran itu, Datuk Mokhzani Mahathir dengan gejala kronisme.

Dr Mahathir, ketika berucap dalam lawatan ke kawasan Parlimen Pulai, Ahad lalu, telah menggesa rakyat Johor supaya menguburkan karier politik pemimpin-pemimpin utama PR, terutamanya Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang yang akan bertanding di Parlimen Gelang Patah dalam Pilihan Raya 2013 akan datang.

"Penasihat Petronas adalah Dr Mahathir, anak lelaki Dr Mahathir, Mokhzani Mahathir antara orang terkaya di Malaysia. Mahathir presiden Petronas, apa dia fikir anak dia sorang Melayu," tegas Setiausaha Agung PKR Datuk Saifuddin Nasution Ismail dalam ucapannya di hadapan lebih 2,000 penyokong di Kampung Datuk Sulaiman Menteri, dalam Kampung Melayu Majidee malam tadi.

Lawatan kedua dalam tempoh kurang sebulan oleh pemimpin PR di negeri selatan tanah air itu dilihat sebagai usaha berterusan PR yang komited untuk menjatuhkan Barisan Nasional (BN), selepas berjaya menawan Selangor dan Pulau Pinang dalam Pilihan Raya 2008.

"Kenapa Dr Mahathir begitu benci dgn Anwar, Lim Kit Siang, dan Abdul Hadi? ... kerana mereka adalah harapan baru.

"Kenapa Mahathir marah? Ini bukan masa dia lagi, kerana dia tahu kalau kita dapat ubah, bukan sahaja Mahathir, anak-anak dia juga habis," kata Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng dalam ucapannya malam tadi.

"Anak Dr Mahathir orang ke-13 terkaya di Malaysia," kata Guan Eng lagi.

Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam ucapannya turut mengumumkan empat calon yang akan mewakili PR di beberapa kawasan Parlimen di Johor, termasuk bekas Panglima Tentera Darat, Tan Sri Jeneral (B) Md Hashim Husin, bagi kerusi Parlimen Johor Baru.

Turut dicalonkan adalah bekas pemimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Datuk Idris Jauzi, anak kelahiran Rengit, yang akan bertanding di kerusi Parlimen Batu Pahat, Nor Izwan Mohamad dicalonkan bagi kerusi Parlimen Muar, manakala kerusi Parlimen Tebrau pula akan ditandingi Timbalan Setiausaha Agung PKR yang juga Pengarah Pilihan Raya PKR Johor, Steven Choong.

Anwar dalam rangka jelajahnya malam tadi turut menyampaikan ceramah di Masai, namun pengumuman berkenaan dibuat di kawasan setinggan yang memiliki majoriti Melayu di tengah-tengah ibu kota Johor Baru itu.

Ceramah beliau turut diganggu oleh Program Mesra Rakyat anjuran BN yang mengadakan persembahan nyanyian yang terletak hanya kira-kira 50 meter dari pentas utama.

Dr Mahathir sebelum ini yang berucap di hadapan 14,000 penduduk dari sekitar Projek

Perumahan Rakyat (PPR) Kempas Permai anjuran ahli Parlimen Pulau Datuk Nur Jazlan Muhamed turut mengakui beliau ditipu Anwar semasa pemimpin pembangkang itu menyertai Umno dengan penampilannya waraknya.

Malah, beliau turut menyindir pemimpin-pemimpin PR seperti Lim Kit Siang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, dan Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang katanya enggan "berubah" dan masih tetap bertanding sedangkan mereka telah sekian lama berkecimpung dalam politik.

Dr Mahathir turut berkata BN telah menukar enam perdana menteri sejak memerintah, namun PAS dan DAP masih lagi dipimpin individu yang sama dan tidak memberi peluang untuk generasi muda dan pelapis mereka mengisi tempat di dalam parti berkenaan.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-m-menjadi-sasaran-pakatan-anwar-umum-4-calon-parlimen-di-johor/>